

29/09/1998

IMF perlu adakan reformasi

KETIKA Indonesia, Thailand dan Korea Selatan masih `terperangkap' di `rumah sakit' Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dengan hanya sedikit tanda untuk pulih, Pengarah Urusan IMF, Michel Camdessus, akhirnya menerima kritikan dan menggesa supaya diadakan reformasi.

Walaupun krisis itu sudah berlanjutan lebih setahun, Indonesia masih lagi dalam keadaan payah, dengan pelbagai usaha untuk memenuhi keperluan harian, inflasi pada kadar 70 peratus dan terus meningkat serta Keluaran Negara Kasar (KNK) tahun ini dijangka merosot negatif 10 peratus.

Sementara itu, Thailand menjangkakan pertumbuhan negara menguncup tujuh peratus, banyak perniagaan ditutup dan tiada perolehan sehingga tahun 2000, manakala di Korea Selatan, KNK diunjur merosot enam peratus, kadar faedah yang tinggi sehingga menyebabkan banyak perniagaan menjadi bankrap dan konglomeratnya berpendapat dasar IMF bukan sahaja akan menenggelamkan mereka, malah negara.

Ini adalah antara pandangan yang disuarakan dalam perbincangan mengenai kewangan dunia mengenai ekonomi tiga negara Asia yang menerima kesan teruk daripada krisis kewangan.

Malah, persoalan demi persoalan timbul berhubung asas bantuan yang disediakan IMF untuk Indonesia, Thailand dan Korea Selatan dalam perbincangan tahunan di Washington.

Ahli ekonomi Indonesia dari Institut Sains Indonesia, Kian Wee, berkata Indonesia tersekat dengan ubat IMF, sama ada mereka menyukainya atau tidak.

"Kita tidak mempunyai pilihan. Dalam keadaan sekarang, jika kita berhenti, ia akan membawa malapetaka besar," katanya kepada AFP, sambil menambah kemarahan akan meledak dengan pengambilalihan oleh warga asing.

Beliau juga menyifatkan IMF sebagai `tidak membuat kerja rumah'.

Camdessus minggu lalu mengakui IMF sudah melakukan kesilapan dan gagal `mengambil kira dengan segera maklumat mengenai peralihan modal jangka pendek.'

Semalam, di Washington, Camdessus menggesa supaya reformasi yang lebih meluas dijalankan terhadap sistem kewangan antarabangsa sedunia, termasuk IMF sendiri.

Dalam pengiktirafan yang jarang sekali terhadap kritikan itu, Camdessus menyetujui `kata sepakat di kalangan negara perindustrian dan negara membangun diperlukan untuk merekabentuk dan menjalankan pembentukan sistem kewangan antarabangsa.'

Pengkritik mendakwa negara membangun terlalu sedikit dibenarkan bersuara dalam menentukan pendekatan IMF bagi mengurus sistem kewangan dunia.

Bagaimanapun, Camdessus berkata: "Reformasi IMF sendiri...perlu menjadi sebahagian daripada keseluruhan perubahan itu."

Saranan Camdessus berhubung reformasi sistem kewangan dunia itu timbul hanya selepas pandangan dan kritikan berterusan oleh pemimpin dunia seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Presiden Perancis, Jacques Chirac dan Perdana Menteri Britain, Tony Blair.

Khamis lalu, Chirac menggesa Kumpulan Tujuh (G7) negara perindustrian "membina Bretton Woods baru" selaras langkah Perancis mengemukakan 12 cadangan kepada Kesatuan Eropah (EU) bagi mendesak reformasi IMF di Jepun dan Russia.

Terdahulu, Blair yang juga Pengerusi G7, turut menggesa pembentukan semula Bank Dunia dan IMF, di samping meminta lebih ketelusan dalam urusan

keuangan antarabangsa.

Bekas Presiden Filipina, Fidel Ramos juga memberi nasihat kepada IMF:  
"Ubat konvensional IMF tidak lagi berkesan. IMF perlu memikirkan semula  
taktik penyelamatnya."

(END)